



# Buletin

Rabiul Awal 1447H/September 2025

# ACIS

## Inspirasi Membina Ummah Madani

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin (Rektor)

### Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi (Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah

Nasif Sidquee Pauzi

Dr Mohamad Redha bin Mohamad

### Sidang Pengarang:

Dr Adibah binti Bohari

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah

Mohd Islah bin Mohd Yusof

Nuruul Hidayah Mansor

Nur Humairaa Binti Azmi

Shahril Anuar bin Abdul Ghalim

Mashitah binti Nordin

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban

Persiaran Seremban Tiga/1 70300 Seremban 3,

Negeri Sembilan

### Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi ketepatan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan. Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri Sembilan untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau kreatif?

Hantarkan ke

[buletinacisnsdk@gmail.com](mailto:buletinacisnsdk@gmail.com)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-81** pada bulan September 2025 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini bertemakan "**Inspirasi Membina Ummah Madani**". Selain itu, bermula Jan 2025 telah memperkenalkan satu ruangan baharu yang dinamakan **Serambi Wahyu** serta terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua. Selamat membaca.

## Isi Kandungan

Sunnah Rasulullah SAW: Inspirasi Membina Ummah Madani **3**

Cinta Rasul, Jiwa Dakwah **5**

Pendekatan Ekonomi Islam Dalam RMK13 Memacu Sinergi Pertumbuhan Ekonomi dan Kesejahteraan Rohani **7**

Kritikan Penyiaran: Maklum Balas Penonton **8**

Pendedahan Pelajar UiTM Negeri Sembilan (Kampus Seremban) Terhadap Kaedah dan Bahan Pembelajaran Subjek Bahasa Arab Tac401 (*Introductory Arabic Language Level One*) **9**

Mendepani Penuaan Penduduk: Potensi Pembangunan Produk Halal Khusus untuk Warga Emas Di Malaysia **11**

Puisi: Teladan Kritikan Memahami Kekuatan **13**

Fungsi Penanda Wacana Bahasa Arab dan Kekerapan Penggunaannya dalam Skrip Roleplay **14**

eISSN 2600-8289



## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini  
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

# Sunnah Rasulullah SAW: Inspirasi Membina Ummah Madani



Oleh:

**Dr Adibah binti Bahori**

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Tanggal 12 Rabiulawal saban tahun merupakan hari penuh makna bagi umat Islam seluruh dunia. Pada tarikh inilah junjungan besar Nabi Muhammad SAW dilahirkan, membawa cahaya hidayah yang mengubah wajah sejarah manusia daripada kegelapan jahiliah kepada nur Islam. Tahun 2025, Maulid al-Rasul disambut pada 5 September, menjadi medan refleksi bagi umat Islam untuk memperbaharui kecintaan kepada baginda.

Cinta kepada Rasulullah SAW bukan sekadar laungan di bibir, tetapi manifestasi yang mesti diterjemah melalui penghayatan sunnah, pengamalan akhlak mulia, dan kesungguhan menegakkan ajaran baginda dalam kehidupan seharian. Justeru, tema **“Sunnah Rasulullah SAW: Inspirasi Membina Ummah Madani”** sesuai dijadikan fokus Maulid al-Rasul 2025. Tema ini mengingatkan kita bahawa kecintaan kepada baginda perlu melahirkan umat yang berkasih sayang, berakhlak dan membawa rahmat kepada sekalian alam, selaras dengan firman Allah SWT: *“Dan tidaklah Kami mengutus engkau (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat bagi sekalian alam.”* (Surah al-Anbiya', 21:107).

## Kelahiran Rasulullah SAW: Cahaya Perubahan

Kelahiran Nabi Muhammad SAW bukan peristiwa biasa. Baginda lahir di tengah masyarakat Mekah yang tenggelam dalam kejahilan, penindasan, dan penyembahan berhala. Kehadiran baginda menjadi rahmat dengan membina tamadun yang berteraskan tauhid, keadilan dan akhlak.

Ibn Kathir dalam *al-Sirah al-Nabawiyah* mencatatkan pelbagai tanda luar biasa yang mengiringi kelahiran baginda isyarat bahawa hadirnya Rasulullah SAW adalah permulaan perubahan besar bagi manusia. Justeru, Maulid Rasul mengingatkan kita bahawa kelahiran baginda bukan sahaja untuk disambut, tetapi untuk direnungi maknanya iaitu kebangkitan umat kepada cahaya Islam.

## Konsep Cinta kepada Rasulullah SAW

Cinta kepada Rasulullah SAW adalah sebahagian daripada iman. Sabda baginda SAW:

*“Tidak beriman salah seorang daripada kamu sehinggalah aku lebih dia cintai daripada anaknya, ayahnya, dan seluruh manusia.”* (Riwayat al-Bukhari & Muslim).

Hadis ini menunjukkan bahawa kecintaan kepada baginda merupakan syarat kesempurnaan iman. Namun, cinta ini bukan sekadar ungkapan atau perayaan, tetapi mestilah dilaksanakan dalam bentuk:

1. **Mengikuti sunnah baginda dalam ibadah**, muamalat, dan akhlak.
2. **Mengutamakan ajaran Rasulullah SAW** melebihi hawa nafsu dan kepentingan dunia.
3. **Menyebarkan risalah baginda** dengan hikmah dan kasih sayang.

Imam al-Ghazali menegaskan dalam *Ihya' Ulum al-Din* bahawa tanda cinta kepada Nabi SAW ialah berakhlak dengan akhlak baginda, memperbanyakkan selawat, serta rindu untuk bertemu dengannya.

## Rasulullah SAW Sebagai Qudwah Hasanah

Al-Quran menegaskan:

*“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagi kamu; (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.”* (Surah al-Ahzab, 33:21).

Sebagai uswah hasanah, baginda SAW menjadi contoh dalam pelbagai aspek:

1. **Akidah**: keteguhan tauhid, tidak pernah goyah walaupun ditentang.
2. **Akhlak**: kesabaran, kerendahan hati, kasih sayang kepada semua makhluk.
3. **Kepimpinan**: adil, berintegriti, dan mendahulukan maslahat ummah.
4. **Kehidupan kekeluargaan**: penyayang, adil terhadap isteri-isteri dan anak-anak.

Menyemai cinta kepada Rasul bererti mencontohi teladan baginda dalam segenap ruang kehidupan.

## Manifestasi Cinta: Selawat dan Sunnah

Cinta kepada Rasulullah SAW dizahirkan melalui amalan selawat. Allah SWT berfirman:

*“Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu ke atasnya dan ucapkanlah salam dengan sebenar-benar salam.”* (Surah al-Ahzab, 33:56).

Selawat bukan sahaja ibadah, tetapi juga wasilah mendekatkan diri dengan baginda. Ulama menyatakan bahawa memperbanyakkan selawat mengundang rahmat, menenangkan jiwa, dan menghubungkan hati dengan Rasulullah SAW.

Selain itu, menghidupkan sunnah adalah bukti cinta. Sunnah bukan sekadar perkara kecil seperti adab makan atau berpakaian, tetapi juga prinsip besar seperti keadilan,

musyawarah, kasih sayang dan kesederhanaan dalam kehidupan.

### Cinta Rasul sebagai Teras Masyarakat Rahmah

Cinta kepada Nabi SAW mesti melahirkan umat yang berakhlak mulia dan membawa rahmat. Rasulullah SAW bersabda:

*"Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat kepada manusia lain."* (Riwayat al-Tabarani).

Maka, kecintaan kepada Rasul menuntut umat Islam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Ia boleh dizahirkan melalui:

1. Membela golongan lemah dan miskin.
2. Menjaga keamanan dan perpaduan.
3. Menyebarkan kasih sayang dan menghormati kepelbagaian.
4. Menjadi contoh teladan yang membawa imej Islam yang indah.

Dalam konteks Malaysia Madani, cinta Rasul perlu menjadi teras pembangunan negara melahirkan masyarakat penyayang, berintegriti, dan berpaksikan nilai kemanusiaan.

### Cabaran Menghidupkan Cinta Rasul di Era Kontemporari

Walaupun umat Islam hari ini sering melaungkan cinta kepada Rasul, cabaran besar tetap wujud:

1. **Pengaruh hedonisme** yang melalaikan umat daripada sunnah.
2. **Krisis akhlak** seperti rasuah, perpecahan, dan kelemahan integriti.
3. **Ancaman Islamofobia** yang cuba memburukkan imej Rasulullah SAW.
4. **Kelesuan cinta rohani**, di mana selawat hanya menjadi ritual tanpa penghayatan.

Menghadapi cabaran ini, umat Islam mesti kembali kepada roh kecintaan kepada Nabi SAW bukan sekadar simbolik, tetapi diterjemah dalam tindakan.

### Strategi Menyemai Cinta Rasul

Untuk memastikan cinta kepada Rasul SAW subur dalam jiwa umat Islam, beberapa strategi boleh digerakkan:

1. **Pendidikan berasaskan sirah**- generasi muda mesti dididik mengenali perjuangan Nabi sejak kecil.
2. **Penghayatan selawat**- memupuk budaya selawat di masjid, sekolah, dan rumah.
3. **Program Maulid yang mendidik**- sambutan bukan hanya berarak, tetapi dipenuhi pengisian ilmu dan amal.
4. **Mencontohi akhlak baginda**- pemimpin, pendidik, dan masyarakat mesti menjadikan akhlak Rasulullah SAW sebagai model.
5. **Penggunaan teknologi dakwah**- media sosial boleh dimanfaatkan untuk menyebarkan hadis, sirah, dan teladan Nabi.

Maulid al-Rasul bukan sekadar perayaan tahunan, tetapi peluang untuk memperbaharui cinta kepada baginda SAW. Cinta ini harus membuahkan amal memperbanyakkan selawat, menghidupkan sunnah, meneladani akhlak, dan memperjuangkan keadilan.

Dalam dunia yang sarat dengan cabaran moral dan rohani, hanya dengan kembali kepada Rasulullah SAW umat Islam akan menemui cahaya petunjuk. Seperti kata al-Busiri dalam Qasidah al-Burdah: "Dialah matahari kebajikan yang tiada bandingannya."

Oleh itu, marilah kita jadikan Maulid al-Rasul 2025 sebagai titik tolak memperkukuh cinta kepada Rasulullah SAW, agar umat Islam benar-benar menjadi umat rahmah, sejahtera, dan disegani, selaras dengan gagasan Malaysia Madani.

### Rujukan

Al-Qur'an al-Karim. Surah al-Anbiya' (21:107), Surah al-Ahzab (33:21, 56).

Al-Bukhari, M. I. I. (1997). Sahih al-Bukhari (M. M. Khan, Trans.). Darussalam.

Muslim, I. H. (2007). Sahih Muslim. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Ghazali, A. H. (2011). Ihya' Ulum al-Din. Dar al-Minhaj.

Ibn Kathir, I. U. (2000). Al-Sirah al-Nabawiyyah. Dar Ibn Hazm.

Al-Tabarani, S. A. (1995). Al-Mu'jam al-Kabir. Maktabah Ibn Taymiyyah.

Hassan, M. K. (2021). The humanistic vision of Islam and its relevance to Malaysia MADANI. IIUM Press.

## SERAMBI WAHYU

Baca Al-Quran Tidak Membosankan

Kata Imam al-Syatibi:

وَحَيْرٌ جَلِيسٌ لَا يَمَلُّ حَدِيثُهُ #  
وَتَرْدَادُهُ يَزْدَادُ فِيهِ تَجَمُّلاً

"Dan (ia) sebaik-baik teman, yang tidak membosankan apabila mendengarnya # Dan pengulangannya (bacaan al-Quran) menambahkan lagi keindahannya (dan kebaikan)".

-Dr. Redha-

# Cinta Rasul, Jiwa Dakwah



Oleh:

**Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah**

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Setiap kali hadirnya bulan Rabiulawal, hati umat Islam kembali tersentuh dengan kerinduan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Maulidurrasul bukan sekadar sambutan tahunan, tetapi satu detik untuk kita menelusuri semula nilai kasih, sabar dan hikmah dalam perjuangan dakwah baginda. Dakwah Rasulullah bukan hanya berlandaskan kata-kata, tetapi pancaran cinta dan akhlak yang mampu melembutkan hati manusia daripada yang jahil menjadi berilmu, daripada yang keras menjadi lembut. Inilah inti sebenar “cinta Rasul” yang wajar dihayati oleh para pendakwah hari ini.

Dalam konteks masyarakat Orang Asli di Negeri Sembilan, semangat cinta Rasul ini sangat relevan. Pendakwah yang berhadapan dengan masyarakat berbilang adat, bahasa dan kepercayaan memerlukan pendekatan yang halus, penuh empati dan memahami budaya setempat. Kejayaan dakwah tidak hanya bergantung pada ceramah atau pengetahuan semata, tetapi juga pada jiwa kasih yang mengalir daripada keikhlasan hati seorang pendakwah. Sebagaimana Rasulullah SAW mendekati masyarakat Madinah dengan hikmah dan kelembutan, begitu jugalah pendakwah Orang Asli perlu menggabungkan ilmu, sikap, dan kemahiran dalam kepimpinan dakwah mereka.

Menghidupkan semangat Maulidurrasul bukan hanya dengan selawat atau perarakan, tetapi dengan menzahirkan nilai kepimpinan Rasulullah dalam tindakan dakwah di lapangan. Cinta Rasul itu bukan hanya di bibir, tetapi di hati dan perbuatan menjadi sumber kekuatan bagi setiap pendakwah yang ingin membina jiwa ummah, terutama dalam komuniti terpencil seperti masyarakat Orang Asli yang sangat memerlukan sentuhan kasih dalam dakwah.

## **Teladan Kepimpinan Rasulullah SAW dalam Dakwah**

Rasulullah SAW adalah contoh agung dalam seni memimpin hati manusia. Baginda tidak pernah mendekati manusia dengan kemarahan, tetapi dengan kasih dan hikmah. Inilah asas kepada keberkesanan dakwah baginda menyentuh hati sebelum menyentuh akal. Dalam sirah, kita dapat lihat bagaimana Rasulullah menegur tanpa menjatuhkan maruah, menasihati tanpa menghukum, dan mendidik dengan penuh empati. Nilai-nilai ini dirumuskan sebagai model kepimpinan kasih suatu bentuk kepimpinan yang menggabungkan elemen ilmu, sikap, dan kemahiran dalam berdakwah. Kekuatan utama Rasulullah adalah keseimbangan antara akhlak dan strategi. Baginda bukan sahaja seorang guru dan

pemimpin, tetapi juga pendengar yang memahami jiwa masyarakatnya.wah

Pendekatan ini amat penting untuk diaplikasikan oleh para pendakwah masa kini, termasuk pendakwah dalam kalangan Orang Asli. Mereka perlu mencontohi gaya kepimpinan yang lembut tetapi tegas, menyantuni tanpa memaksa, dan mendidik dengan kasih sayang. Dakwah sebegini mampu melahirkan perubahan yang lebih berkekalan kerana ia berasaskan keikhlasan dan rasa percaya antara pendakwah dan masyarakat.

## **Pendakwah Orang Asli: Jiwa Dakwah di Lapangan**

Realiti di lapangan dakwah Orang Asli memerlukan kebijaksanaan yang luar biasa. Pendakwah bukan sekadar menyampaikan mesej Islam, tetapi menjadi jambatan antara dua dunia dunia moden dan tradisi, Islam dan adat, ilmu dan pengalaman. Keberkesanan dakwah bergantung pada kemampuan pendakwah menyesuaikan bahasa, nada dan pendekatan mengikut latar masyarakat.

Di sinilah pentingnya jiwa dakwah keikhlasan yang lahir daripada cinta Rasul. Seorang pendakwah yang meneladani baginda akan tahu bahawa dakwah bukan untuk menunjukkan siapa lebih betul, tetapi siapa lebih menyayangi. Setiap interaksi, setiap senyuman, bahkan setiap kunjungan ke perkampungan Orang Asli adalah sebahagian daripada dakwah kasih yang diwariskan oleh Rasulullah SAW. Pendakwah juga perlu memahami bahawa cabaran bukan halangan tetapi peluang untuk berkhidmat. Kekangan bahasa, adat dan kepercayaan tradisi bukan alasan untuk berundur, tetapi medan untuk menzahirkan akhlak Rasulullah secara praktikal sabar, toleransi dan lemah lembut. Pendekatan inilah yang membolehkan dakwah diterima dengan hati terbuka tanpa paksaan. Ia seiring dengan pendekatan Rasulullah ketika berdakwah di Taif dan Madinah, di mana baginda memilih kasih dan doa, bukan kebencian atau hukuman.

## **Model Kepimpinan Pendakwah Orang Asli: Inspirasi dari Rasulullah**

Model kepimpinan pendakwah Orang Asli yang sedang dibangunkan di Negeri Sembilan berteraskan tiga domain utama pengetahuan, sikap dan kemahiran. Ketiga-tiga elemen ini selaras dengan prinsip dakwah Rasulullah SAW yang seimbang antara akal, hati, dan tindakan.

### **1. Pengetahuan (Ilmu Dakwah dan Budaya)**

Pendakwah perlu memahami Islam secara mendalam serta konteks sosio-budaya komuniti sasaran. Tanpa kefahaman ini, mesej dakwah boleh di salah erti. Sepertimana Rasulullah mempelajari budaya dan adat masyarakat sebelum berdakwah kepada mereka, begitu juga pendakwah perlu memahami adat resam Orang Asli agar mesej Islam lebih mudah diterima.

**2. Sikap (Akhlak dan Kasih Sayang)** Ini adalah teras utama. Sikap sabar, rendah hati dan kasih terhadap masyarakat menjadi ukuran kejayaan dakwah sebenar. Rasulullah SAW memenangi hati musuh dengan akhlaknya, bukan pedangnya. Dalam konteks Orang Asli, pendekatan yang bersifat memujuk dan menghormati budaya tempatan amat diperlukan bagi menumbuhkan kepercayaan.

**3. Kemahiran (Komunikasi dan Hikmah)** Kecekapan berkomunikasi menjadi kunci. Pendakwah berkesan ialah mereka yang mampu menyesuaikan mesej dakwah dengan keperluan masyarakat tanpa menjejaskan prinsip Islam. Kemahiran mendengar, memahami dan memberi respon yang hikmah menjadikan dakwah lebih hidup dan menyentuh hati.

Cinta Rasul yang diterjemahkan melalui ilmu, sikap dan kemahiran adalah asas kepada model kepimpinan pendakwah Orang Asli yang berkesan. Pendakwah yang berjiwa kasih dan berhikmah bukan sahaja membawa mesej Islam, tetapi juga membina jalinan kemanusiaan sebagaimana Rasulullah SAW telah lakukan lebih 1400 tahun lalu.

Menyambut Maulidurrasul bukan sekadar memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW, tetapi menghidupkan semula roh kasih dan hikmah dalam setiap langkah dakwah. Cinta Rasul itu bukan hanya dengan lisan, tetapi diterjemahkan melalui akhlak, pengorbanan dan keprihatinan terhadap manusia. Pendakwah yang meneladani baginda akan memahami bahawa dakwah sejati ialah usaha membimbing dengan kasih, bukan menegur dengan marah; mengajak dengan hikmah, bukan memaksa dengan kata.

Dalam konteks pendakwah Orang Asli, semangat ini sangat signifikan. Mereka bukan sahaja mengajar, tetapi membina kepercayaan dan menanam benih keimanan di hati yang belum mengenal Islam secara mendalam. Model kepimpinan pendakwah yang menekankan ilmu, sikap dan kemahiran terbukti mampu memperkukuh jati diri serta keberkesanan dakwah. Keikhlasan, kesabaran dan empati adalah senjata utama seorang pendakwah yang berjiwa Rasul.

Sebagaimana Rasulullah SAW membina masyarakat Madinah dengan rahmat dan hikmah, pendakwah Orang Asli juga boleh membina masyarakat yang sejahtera melalui pendekatan yang menyentuh hati. Kejayaan dakwah tidak diukur pada bilangan pengikut, tetapi pada sejauh mana mesej Islam dihayati dan diterjemahkan dalam kehidupan seharian.

Akhirnya, cinta Rasul yang sejati harus menjadi denyut nadi setiap pendakwah menjadikan dakwah itu bukan sekadar tanggungjawab, tetapi satu ibadah yang menghidupkan hati. Semoga setiap langkah dakwah yang disusun, setiap kata yang diucap, dan setiap hati yang disentuh menjadi saksi bahawa cinta Rasul masih mekar dalam jiwa para pendakwah hari ini.

# Pendekatan Ekonomi Islam Dalam RMK13 Memacu Sinergi Pertumbuhan Ekonomi dan Kesejahteraan Rohani



Oleh:

**Nurul Hidayah Mansor**

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) memaparkan pendekatan pembangunan negara yang secara jelas memadukan nilai-nilai Islam dalam kerangka ekonomi nasional. RMK13 menandakan fasa pembangunan negara berikutnya yang terus komited untuk mengekalkan dan menekankan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan nilai-nilai murni berteraskan prinsip Islam. Pendekatan ini dapat memperkukuh tadbir urus yang telus, pengagihan kekayaan yang adil dan saksama, serta pembangunan sosial yang mampan selaras dengan tuntutan agama.

Teras Ekonomi MADANI yang di bawa ke dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bukan sekadar dokumen perancangan negara lima tahun, tetapi suatu kerangka transformasi yang menggabungkan strategi ekonomi inklusif bagi memenuhi tunjang Maqasid Syariah. Teras Ekonomi MADANI yang menjadi asas RMK13 menekankan prinsip integriti, keadilan, dan kesejahteraan rakyat, sejajar dengan objektif Maqasid Syariah untuk memelihara agama (hifz al-dīn), akal (hifz al-‘aql), harta (hifz al-māl), nyawa (hifz al-nafs), dan keturunan (hifz al-nasl). Merujuk kepada teks RMK13 bilangan 32, kemajuan ekonomi sesebuah negara tidak akan lengkap dan mungkin pincang sekiranya aspek kerohanian dan nilai insaniah diletakkan.

Salah satu aspek yang menonjol ialah penerapan konsep ummatan wasatan sebagai neraca pembangunan negara. Konsep ini membawa mesej keseimbangan, kesederhanaan, dan keadilan dalam merangka dasar ekonomi, sekali gus mengelakkan sebarang bentuk ekstremisme dalam urusan ekonomi. Penekanan kepada prinsip keadilan turut ditegaskan melalui rujukan kepada pandangan Ibnu Khaldun bahawa negara akan runtuh dan binasa jika wujud ketidakadilan. Oleh itu, pengagihan kekayaan dan sumber negara dalam RMK13 dirangka bagi memastikan tiada golongan masyarakat yang tercicir.

Transformasi digital turut menjadi teras penting dalam memodenkan ekosistem ekonomi Islam negara. Aspek pendigitalan dan teknologi termaju, terutama kecerdasan buatan (AI) diberikan perhatian untuk memperkukuh kedudukan ekonomi negara dengan menekankan penciptaan nilai dalam semua sektor ekonomi secara menyeluruh. Dalam negara malah dunia rancak mengejar kemajuan teknologi yang semakin canggih, kewajaran kerajaan bersedia mendepani risiko keselamatan perlu diiktiraf. Usaha ini boleh dilihat melalui pengukuhan

kepercayaan digital (*digital trust*) yang dapat melindungi data peribadi, menangani ancaman siber selari dengan maqasid syariah.

Dalam konteks industri, RMK13 menekankan pemerkasaan ekonomi Islam dengan turut memberikan tumpuan kepada sektor kewangan Islam dan industri halal sebagai instrumen strategik yang bukan sahaja meningkatkan daya saing ekonomi negara, tetapi juga mengukuhkan identiti Malaysia sebagai negara Islam. Usaha ini dapat dilihat menerusi penubuhan Akta kewangan awam dan tanggungjawab Fiskal, merangka Pelan Sektor Kewangan dan pelan induk pasaran modal baharu, menubuhkan Suruhanjaya Halal tunggal dan pembangunan Halal Industrial Park. Tumpuan kerajaan pada sektor ini adalah atas jaminan akan berlakunya peningkatan nilai eksport halal yang dijangka mencecah RM80 billion menjelang akhir tempoh RMK13 tahun 2030 serta sektor ini akan menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sehingga 11 peratus.

Selaras dengan prinsip keadilan sosial, kerajaan terus berusaha untuk mencegah kenaikan kos sara hidup. Pelaksanaan subsidi bersasar ditambah baik demi memastikan bantuan benar-benar sampai kepada golongan sasar tanpa pembaziran sumber, penyediaan bantuan makanan berkhasiat untuk pelajar, melaksanakan perintah gaji minimum, memberi penekanan khusus terhadap projek baik pulih, selenggara dan ubahsuai kemudahan asas. Kesemua langkah ini tidak hanya mengukuhkan kedudukan Malaysia di pentas global, malah menjadikan negara ini model rujukan bagi pelaksanaan ekonomi Islam yang holistik dan mampan.

Pengintegrasian pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) dengan pendidikan agama bagi melahirkan huffaz teknokrat MADANI juga mencerminkan usaha untuk membangunkan modal insan yang seimbang antara kemahiran teknikal dan pegangan agama. Pendekatan ini memberi sumbangan langsung kepada pembangunan ekonomi berasaskan nilai serta memelihara akhlak generasi muda.

RMK13 mencerminkan usaha strategik Malaysia dalam memadukan kemajuan material dan kesejahteraan rohani. Penerapan prinsip-prinsip ekonomi Islam bukan sahaja mengukuhkan kedudukan negara di persada global, tetapi juga memastikan pertumbuhan ekonomi yang beretika, lestari, dan memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat. Konsep penyelesaian berasas keperluan sebenar dalam prakarsa kesembilan menterjemahkan nilai keadilan sosial dan kesaksamaan peluang yang ditekankan oleh Islam.

# Kritikan Penyiaran: Maklum Balas Penonton



Oleh:

**Shahril Anuar Abdul Ghalim**

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Maklum balas merupakan sesuatu representasi pendapat dari khalayak penonton dan dirasakan amat penting bagi pengkarya untuk menjadikannya salah satu indikator terbaik dalam menilai hasil seni yang dipersembahkan. Tak kira apapun format dan platform penyiaran yang digunakan, sebaiknya maklum balas yang diterima dijadikan sandaran untuk terus cemerlang menghasilkan karya pada masa hadapan. Pelbagai komen dan kritikan terhadap hasil karya yang dilontarkan mengikut tafsiran individu yang pelbagai dan kebiasaannya penonton dengan mudah akan memberikan maklum balas yang menyokong atau sebaliknya.

Penonton akan memberi pendapat berpandukan reaksi dan jangkaan awal mereka. Pelbagai persoalan dirumuskan dengan jawapan ringkas bersandarkan asas pemikiran sebagai penonton aktif. Mereka mungkin mempunyai jangkaan awal pada sesuatu karya yang bakal ditonton berdasarkan pemerhatian mereka seperti promosi yang dilakukan, deretan pelakon popular yang terlibat, tajuk yang menarik, dan pelbagai lagi yang mendasari minat dan perhatian mereka. Jangkaan ini menjadi penanda aras pada peringkat awal iaitu ia mungkin boleh dikategorikan kepada tiga jangkaan iaitu mencapai jangkaan, sederhana atau neutral dan terakhir tidak mencapai jangkaan. Ketiga-tiga ini akan mendasari maklum balas yang akan diterima sejourus tayangan bermula.

Maklum balas ini rata-rata lebih terarah kepada jalan cerita secara keseluruhan kerana penonton akan menilai berdasarkan pemahaman mereka tentang cerita yang ingin disampaikan. Semua elemen yang wujud dalam penyampaian jalan cerita seperti jalan cerita mendatar, pengakhiran yang sudah dapat dijangka, permulaan yang longgar, keberkesanan watak, latar dan pelbagai kritikan lagi. Penonton mungkin tidak mahir dalam konteks penilaian *genre*, wacana, makna teks dan istilah kritikal lain tetapi pentaksiran mereka sangat penting dalam mengukur sambutan tontonan. Begitu juga dengan maklum balas positif yang mungkin diterima seperti “bagus untuk tontonan” atau “cerita sedih sangat” dan “harap ada sambungan selepas ini” daripada penonton.

Antara maklum balas yang popular ialah membicarakan unsur realiti ataupun lebih mudah dikatakan sebagai logik. Ada antara penonton yang begitu kritikal dalam bab ini iaitu membandingkan sesuatu babak dengan realiti kehidupan sebenar. Berpandukan ungkapan ‘filem kita wajah kita’ maka setiap yang dihasilkan tak kira filem, drama, pertandingan mahupun program bual bicara, adalah terarah kepada nilai dan norma sebagai masyarakat timur. Seperti contoh, nilai kesopanan dan kesusilaan amat mendasari tiap denyut nadi penonton. Penonton akan mudah menyelami jika ianya bersesuaian dengan nilai yang diamalkan begitu

juga jika ianya dipaparkan sebaliknya. Unsur realiti ini akan mendasari pemikiran mereka dalam membuat penilaian kepada produk kreatif tersebut. Realiti yang dimaksudkan adalah ianya haruslah mencerminkan realiti kehidupan sebenar dalam mendepani isu-isu kemasyarakatan tempatan. Penonton mungkin mudah untuk menerima produk kreatif dari luar negara dari sudut realiti tetapi sukar untuk diadun jika ia melibatkan hasil tempatan kerana ianya dekat dengan kehidupan sebenar penonton.

Ternyata maklum balas tontonan ini adalah satu indikator penting dalam memperbaiki hasil karya kreatif pada masa hadapan. Ianya adalah suatu yang berharga jika diambil berpandukan untuk meningkatkan kualiti penyampaian melalui karya kreatif. Maklum balas ini akan memberikan ruang penambahbaikan pada sudut pandangan yang berbeza. Ianya mungkin boleh dilakukan penambahbaikan secara total ataupun perubahan dalam elemen-elemen tertentu sahaja seperti kualiti lakonan, kesan visual, kesesuaian skrip, pengarahannya dan lain-lain yang membentuk maklum balas penonton. Penerbit akan mendapat kepastian dan keyakinan untuk terus berkarya berdasarkan maklum balas yang diterima.

Maklum balas penonton ini penting bukan sahaja dari sudut kualiti penerbitan tetapi juga kepada potensi pemasaran pada masa hadapan. Ini adalah salah satu strategi yang diperlukan bagi tujuan pemasaran. Hasil karya adalah bersifat subjektif dan mempunyai saling kaitan dengan permintaan semasa yang berpandukan minat dan corak tontonan. Ini adalah benar jika kita mengambil filem sebagai contoh iaitu dimana kita mampu lihat saban tahun akan berlaku tren atau corak tontonan yang terarah kepada sesuatu genre sahaja seperti filem seram, komedi, percintaan, sejarah dan lain-lain. Ini kebiasaannya sinonim dengan corak minat penonton yang berubah-ubah mengikut keadaan semasa. Maka pihak penerbit harus bijak dalam menilai maklum balas tontonan yang diperolehi untuk kekal relevan. Ini yang agak menyukarkan kerana ianya akan berpandukan dengan formula untung rugi iaitu pertimbangan antara menghasilkan produk yang mempunyai nilai seni yang tinggi ataupun populariti sebagai sandaran.

Kesimpulannya, maklum balas penonton ini kebiasaannya hadir secara tidak formal seperti contoh di media sosial, akhbar mahupun temubual secara rawak selepas menonton. Ianya bukanlah sesuatu yang bersifat kupasan mendalam dan berpandukan sebab yang kukuh sebagai sandaran pembuktian tetapi hanyalah pendapat peribadi penonton. Tidak semua komen yang diterima harus diperbaiki kerana terdapat banyak pertimbangan lain yang harus dilaksanakan. Komen dan maklum balas yang relevan sahaja yang harus diambilkira kerana sudah pasti kita tidak mampu untuk memuaskan hati semua pihak yang mempunyai pandangan yang pelbagai. Namun begitu, hasrat dan harapan menonton harus dijadikan rujukan pada penghasilan karya yang akan datang dengan mengambilkira pandangan tersebut tidak mengubah objektif dan maksud asal sesuatu karya yang hendak diterbitkan. Samada menyokong atau sebaliknya, komen dan kritikan penonton haruslah diberikan penekanan bagi tujuan masa hadapan dari segi menyesuaikan idea dan kehendak tontonan.

# Pendedahan Pelajar UiTM Negeri Sembilan (Kampus Seremban) Terhadap Kaedah dan Bahan Pembelajaran Subjek Bahasa Arab Tac401 (*Introductory Arabic Language Level One*)



Oleh:

**Mohd Islah bin Mohd Yusof**

Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

## Abstrak

Kajian ini meninjau tahap pendedahan pelajar UiTM Negeri Sembilan (Kampus Seremban) terhadap kaedah dan bahan pembelajaran Bahasa Arab. Objektifnya: (i) mengenal pasti kaedah pengajaran–pembelajaran (PdP) paling kerap dialami pelajar, (ii) menilai persepsi keberkesanan bahan cetak, digital dan autentik, serta (iii) mencadangkan penambahbaikan PdP. Reka bentuknya ialah tinjauan deskriptif menggunakan soal selidik dan perbincangan kumpulan berfokus (FGD). Dapatan menunjukkan kaedah berpusat guru masih dominan, manakala bahan digital dan tugas komunikatif meningkat tetapi tidak konsisten. Sumber autentik dinilai paling berkesan untuk kefasihan, walaupun memerlukan bimbingan kosa kata dan penanda wacana. Artikel mencadangkan PdP hibrid yang menggabungkan pengajaran bentuk dengan tugas komunikatif, disokong repositori bahan digital dan latihan berfasa.

## Objektif Kajian

Kajian bertujuan memetakan kaedah PdP yang dialami pelajar, menilai tahap pendedahan terhadap bahan cetak, digital dan autentik, mengenal pasti persepsi keberkesanan mengikut kemahiran, serta mengusulkan penambahbaikan PdP dan sokongan bahan.

## Metodologi

Kajian ini berbentuk tinjauan deskriptif bercampur. Instrumen merangkumi soal selidik Likert lima mata untuk menilai kekerapan pendedahan, keberkesanan dan halangan, serta FGD yang menelusuri pengalaman pelajar menggunakan bahan autentik (manual TAC) dan aktiviti lisan (role play). Sampel terdiri daripada pelajar kursus tahap asas dan pertengahan. Analisis data menggunakan statistik deskriptif dan tema kualitatif yang menumpu kepada kebolehaksesan bahan, kerelevanan, motivasi, serta sokongan pensyarah.

## Dapatan Ringkas

Kaedah PdP masih banyak berpusat kepada syarahan dan latihan tatabahasa, dengan aktiviti berpasangan/berkumpulan berlaku secara sederhana. Roleplay dan projek berasaskan tugas ada tetapi tidak konsisten. Dari segi bahan, buku teks dan slaid pensyarah mendominasi, diikuti penggunaan sederhana bahan digital seperti video pendek dan kuiz interaktif. Sumber autentik seperti video situasi sebenar dan skrip dialog kontekstual dianggap sangat membantu dalam kemahiran bertutur. Persepsi pelajar menekankan bahawa roleplay dan dialog berfasa membina keyakinan dan kelancaran, asalkan disokong kosa kata tematik dan penanda wacana. Halangan utama ialah masa kelas terhad, tahap kemahiran pelajar yang berbeza, serta capaian internet tidak sekata. Keperluan sokongan yang dikenal pasti termasuk bank bahan autentik, rubrik lisan yang jelas, latihan mikro penanda wacana dan sebutan, serta bimbingan strategi sendiri.

## Perbincangan

Pola pendedahan menunjukkan jurang antara pendekatan berfokus bentuk yang membantu ketepatan dan pendekatan komunikatif yang menggalakkan kelancaran. Gabungan kedua-duanya melalui pendekatan hibrid—kitaran input bermakna, fokus bentuk, tugas komunikatif, dan maklum balas rubrik—berpotensi meningkatkan keberhasilan. Penggunaan bahan autentik yang dekat dengan dunia pelajar seperti urusan kampus meningkatkan keterlibatan dan pemindahan pembelajaran. Namun, ia memerlukan scaffolding seperti pra-pengenalan kosa kata, senarai penanda wacana, dan contoh skrip mini untuk mengelakkan beban kognitif.

### **Implikasi dan Cadangan**

Kajian ini mencadangkan pembinaan repositori digital terkurasi yang mengandungi video pendek berlabel tahap, skrip dialog tematik, kuiz automatik, dan senarai penanda wacana. Disarankan rutin roleplay berfasa yang melibatkan permodelan, latihan terbimbing, penghasilan skrip, persembahan, dan maklum balas rubrik. Penilaian perlu disepadukan dengan rubrik lisan yang menilai kefasihan, ketepatan, kohesi, sebutan, dan strategi komunikasi. Dari segi sokongan akses, platform ringan data dan alternatif luar talian perlu disediakan. Pembangunan pensyarah melalui bengkel micro-teaching digital, reka bentuk tugas komunikasi, dan penilaian formatif juga penting.

### **Keterbatasan Kajian**

Kajian ini berbentuk tinjauan awal dengan saiz sampel terhad serta terikat pada satu kampus, maka generalisasi adalah terhad. Kajian lanjut wajar melibatkan reka bentuk kuasi-eksperimen untuk menilai keberkesanan intervensi bahan autentik dan penanda wacana terhadap prestasi lisan.

### **Kesimpulan**

Tahap pendedahan pelajar kepada kaedah dan bahan pembelajaran pelbagai wujud tetapi belum konsisten. Mengarusperdanakan pendekatan hibrid berasaskan tugas, dengan sokongan repositori bahan autentik dan rubrik yang jelas, berpotensi memperkukuh motivasi, kefasihan, serta ketepatan pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab di UiTM Negeri Sembilan.

### **Rujukan**

- Ellis, R. (2003). *Task-based Language Learning and Teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Gilmore, A. (2007). Authentic materials and authenticity in foreign language learning. *Language Teaching*, 40(2), 97–118.
- Krashen, S. D. (1982). *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Oxford: Pergamon.
- Littlewood, W. (2004). The task-based approach: Some questions and suggestions. *ELT Journal*, 58(4), 319–326.
- Nunan, D. (1991). *Language Teaching Methodology: A Textbook for Teachers*. London: Prentice Hall.
- Richards, J. C., & Rodgers, T. S. (2014). *Approaches and Methods in Language Teaching* (3rd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Tomlinson, B. (2012). Materials development for language learning and teaching. *Language Teaching*, 45(2), 143–179

# Mendepani Penuaan Penduduk: Potensi Pembangunan Produk Halal Khusus untuk Warga Emas Di Malaysia



Oleh:

**Nur Humairaa Binti Azmi**

Program Diploma Pengurusan Halal (IC120),  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus  
Kuala Pilah



**Nuruul Hidayah Mansor**

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

## APAKAH ITU NEGARA TUA?

Seluruh dunia sedang terkesan dan termasuklah negara maju yang akan berhadapan dengan fenomena digelar sebagai “negara tua” atau “*aged nation*”. Negara tua ialah sebuah negara di mana peratusan penduduk yang berusia 60 tahun ke atas melebihi 15 peratus daripada keseluruhan populasi. Menjelang 2050, penduduk dunia yang berumur 60 tahun ke atas akan berganda pada 2.1 billion (World Health Organization, 2023). Malaysia tidak terkecuali dengan fenomena ini dan dijangkakan akan menjadi negara tua menjelang tahun 2030 akibat jumlah warga emas telah mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk negara (Jabatan Statistik Malaysia, 2022).

Menurut kajian Nur Zulfah (2022) kelajuan Malaysia mencapai status negara tua adalah lebih pesat berbanding negara maju kerana transisi yang dialami berlaku dalam konteks perkembangan teknologi perubatan yang semakin canggih. Warga emas di Malaysia akan berganda daripada 7% kepada 14% dalam masa 28 tahun sahaja berbanding negara Sweden yang mengambil masa selama 112 tahun untuk perubahan yang sama. Justeru, bagi mendepani fenomena ini, pelbagai aspek perlu mula dititikberatkan oleh negara dalam usaha bersiap siaga mengalami transformasi negara tua. Malaysia perlulah mempunyai strategi yang menyeluruh yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan, kestabilan emosi, kesihatan yang baik disamping mengekalkan kualiti hidup terutama dalam kalangan bakal warga emas ini suatu hari nanti.

Fenomena ini bukanlah sesuatu yang perlu dilihat sebagai bebanan kepada negara, malah boleh memberikan impak positif dalam konteks ekonomi. Kesiapsiagaan menghadapi situasi ini, pasaran produk dalam sektor halal

antara sektor yang boleh menjana manfaat kepada pengguna khususnya golongan warga emas ini. Pelbagai persediaan perlu dititikberatkan meliputi pembangunan prasarana minda dan pembangunan prasarana fizikal (Majlis Keselamatan Negara, 2023). Ini kerana tidak dapat dinafikan bahawa golongan warga emas bukan sahaja mempunyai risiko tinggi untuk terdedah kepada pelbagai ancaman penyakit sama ada penyakit berjangkit atau tidak berjangkit malah ancaman mental ataupun emosi.

## POTENSI PEMBANGUNAN PRODUK SEKTOR HALAL

Justeru itu, artikel ini membuka ruang kepada pembaca untuk melihat serba sedikit potensi yang ada untuk membangunkan ekosistem halal yang seimbang dalam konteks penggunaan. Apabila berlakunya fenomena penuaan penduduk di Malaysia, industri halal sangat berpotensi untuk memajukan dan meningkatkan ekonomi negara dengan membangunkan produk halal yang khusus untuk warga emas. Peralihan demografi ini membuka ruang besar kepada pembangunan produk halal yang khusus untuk golongan ini, bukan sahaja dari sudut pematuhan syariah, tetapi juga dari aspek kesihatan, pemakanan, penjagaan diri dan kesejahteraan hidup. Produk halal sentiasa menjadi keutamaan dalam pemilihan dalam kalangan pengguna Islam khususnya di Malaysia.

Produk halal yang diformulasikan untuk warga emas berpotensi memenuhi keperluan nutrisi yang selamat dan bersih, bebas daripada bahan meragukan, serta selari dengan nilai spiritual dan gaya hidup mereka. Tambahan pula, dengan peningkatan kesedaran terhadap kepentingan halal dalam kalangan pengguna bukan Islam, pembangunan produk halal untuk warga emas boleh menjadi pemacu ekonomi baharu yang inklusif dan berdaya saing di pasaran domestik dan antarabangsa. Justeru, pendekatan strategik dalam penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan produk halal untuk warga emas perlu digiatkan bagi memastikan Malaysia bukan sahaja bersedia menghadapi penuaan populasi, tetapi juga mampu memimpin dalam industri halal global yang berorientasikan kesejahteraan warga tua.

Kebanyakan warga emas akan mengalami perubahan ketara dari segi fisiologi dan tahap kesihatan, termasuk penurunan fungsi otot, sistem imun yang lemah, serta peningkatan risiko penyakit kronik. Perubahan ini sering kali menjadi penghalang kepada pelaksanaan aktiviti harian secara berdikari, sekali gus menuntut sokongan daripada pelbagai aspek kehidupan. Justeru, fenomena ini memberikan justifikasi yang kukuh terhadap keperluan pembangunan produk halal yang khusus untuk warga emas. Industri halal memainkan peranan yang signifikan dalam menyediakan solusi yang bukan sahaja memudahkan urusan harian golongan ini, malah berpotensi mencegah penyakit melalui pendekatan yang bersih, selamat dan patuh syariah. Inisiatif ini merangkumi pelbagai sektor termasuk pemakanan berkhasiat, produk farmaseutikal yang halal, penjagaan diri yang sesuai dengan keperluan usia lanjut, serta peralatan sokongan dan teknologi mesra syariah yang dapat meningkatkan kualiti hidup warga emas secara holistik.

Pengembangan pasaran halal domestik berpotensi besar untuk merancakkan ekonomi negara. Seiring dengan pertambahan populasi warga emas, permintaan terhadap produk halal yang dirumus khas untuk golongan ini dijangka meningkat secara konsisten dan terus menjadi tumpuan pasaran. Perkembangan ini membuka peluang luas kepada syarikat tempatan untuk meneroka dan membangunkan produk baharu seperti makanan berkhasiat, ubat-ubatan halal, pakaian mesra ibadah, serta alat bantuan kesihatan yang memenuhi keperluan fizikal dan spiritual warga emas.

**Rumusannya**, pelbagai aspek perlu dikenalpasti dalam mengukur ketersediaan sesebuah negara menggalas status negara tua. Secara keseluruhannya, pendekatan strategik dalam pembangunan produk halal yang inklusif bukan sahaja menyokong kesejahteraan warga emas, malah memperkukuh kedudukan industri halal sebagai pemacu ekonomi negara yang berdaya saing dan beretika.



# Puisi: Teladan Kritikan Memahami Kekuatan



Oleh:

**Shahril Anuar Abdul Ghalim**

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan  
Pengajian Media (FKPM), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Penafsiran tema memberi makna  
Penyusun cara rima dan gaya  
Terlihat terpancang apa tak kena  
Kritikan diangkat perbaiki karya

Ungkapan rasa perasaan nuansa  
Mencatat semua jika perasan  
Hasil tercipta tontonan semasa  
Terkhilaf sedutan damba penjelasan

Konteks analisa kelemahan kekuatan  
Penilaian pemahaman pelbagai persepsi  
Mengungkap struktur apresiasi sambutan  
Membahas merungkai sekadar berkongsi

Kebebasan pendapat dianggap berlebihan  
Mencipta konstruktif generasi muda  
Berdasarkan fakta bukan luahan  
Mengharapkan relevan naratif tiada

Pilihan cabaran daya tarikan  
Keperluan kepuasan penonton tempatan  
Setiap dikata diperinci dirasakan  
Teladani kritikan memahami kekuatan

Indikator berguna keunikan gaya  
Meramal kejayaan tak putus asa  
Karya Malaysia berteraskan budaya  
Semoga terpancang diperingkat antarabangsa

# Fungsi Penanda Wacana Bahasa Arab dan Kekekrapan Penggunaannya dalam Skrip Roleplay

Oleh:

**Mohd Islah bin Mohd Yusof,**

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban  
islah3483@uitm.edu.my

**Mashitah binti Nordin,**

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau  
mashitahn@uitm.edu.my

## Abstrak

Kajian ini meneliti kesedaran dan penggunaan penanda wacana bahasa Arab dalam skrip roleplay pelajar UiTM. Penanda wacana menyokong kohesi dan koherensi teks serta kelancaran interaksi lisan. Melalui analisis 30 skrip (102 pelajar) bagi kursus TAC401, TAC451 dan TAC501, kajian mengukur kekekrapan dan fungsi penanda wacana berlandaskan kerangka Halliday & Hasan (1976) serta adaptasi tempatan (Muhammad Fauzi Jumangan, 1999). Dapatan menunjukkan variasi penggunaan merentas kategori Tambahan, Berlawanan, Sebab dan Masa, dengan beberapa bentuk dominan. Implikasi dibincang bagi memperkasa pengajaran menulis dan bertutur.

## Latar Belakang

Penanda wacana ialah unsur linguistik yang merangkaikan idea antara klausa, ayat dan perenggan untuk mewujudkan pertautan (kohesi) dan kelancaran makna (koherensi). Dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing, pendedahan sistematik terhadap jenis dan fungsi penanda wacana masih terhad dalam bahan rujukan. Kajian ini menilai penggunaan sebenar pelajar melalui skrip roleplay akademik.

## Pernyataan Masalah

Pelajar kurang peka terhadap kewujudan dan fungsi penanda wacana; hal ini menjejaskan susunan idea, kejelasan makna dan kematangan wacana. Bahan nahu Arab jarang menghimpunkan topik ini secara khusus, menyukarkan penguasaan aplikasi dalam penulisan dan lisan akademik.

## Objektif Kajian

- Mengenal pasti jenis penanda wacana bahasa Arab dalam skrip roleplay pelajar.
- Mengukur kekekrapan penggunaannya mengikut kategori kerangka Halliday & Hasan.
- Menjelaskan fungsinya dalam menyokong kelancaran interaksi dan struktur skrip.

## Kerangka Teori

Kerangka Kohesi Halliday & Hasan (1976) membahagikan penanda wacana kepada empat kategori: Tambahan (Additive), Berlawanan (Adversative), Sebab (Causal) dan Masa (Temporal). Rujukan tempatan (Muhammad Fauzi Jumangan, 1999) digunakan untuk penjenisan bentuk dalam konteks Arab-Melayu.


## Metodologi

Reka bentuk kualitatif-deskriptif dengan sampel 30 skrip roleplay (3–4 pelajar/kumpulan; jumlah 102 pelajar) bagi TAC401/451/501 di UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban. Analisis kandungan dijalankan terhadap penggunaan penanda wacana dalam skrip dialog lakon peranan dengan memenuhi definisi kerangka. Ketepatan fungsi diukur menggunakan rubrik penilaian skrip dan pengkategorian adalah mematuhi definisi operasional empat kategori kohesi.

## Dapatan

Sebanyak 495 kekekrapan penggunaan penanda wacana yang dikenal pasti (67 bentuk). Jadual dan graf berikut hanya memaparkan 10 bentuk paling kerap.

| Bentuk (Arab)      | Makna (BM)      | Kekerapan | Peratus |
|--------------------|-----------------|-----------|---------|
| وغير ذلك (PW1)     | Selain itu      | 42        | 8.5%    |
| وبعد ذلك (PW2)     | Selepas itu     | 37        | 7.5%    |
| وأخيرا (PW3)       | Akhirnya        | 32        | 6.5%    |
| من جانب (PW4)      | Dari sudut      | 30        | 6.1%    |
| إن (PW5)           | Bahawasanya     | 27        | 5.5%    |
| وخلاصة القول (PW6) | Kesimpulan kata | 26        | 5.3%    |
| ولذلك (PW7)        | Oleh sebab itu  | 22        | 4.4%    |
| إن (PW8)           | Sesungguhnya    | 21        | 4.2%    |
| قد (PW9)           | Sesungguhnya    | 19        | 3.8%    |
| الآن (PW10)        | Sekarang/kini   | 16        | 3.2%    |



Rajah 1. Graf bar Top 10 penanda wacana mengikut kekerapan.

### Perbincangan

Pola kekerapan menunjukkan kecenderungan pelajar menambah maklumat dan mengatur kronologi, namun kurang menonjolkan justifikasi (sebab-akibat) dan kontras retorik. Ini menuntut latihan eksplisit dalam pemilihan penanda wacana Berlawanan dan Sebab bagi memperkukuh hujah.

### Implikasi Pedagogi

Integrasikan modul penanda wacana dalam pengajaran menulis dan roleplay; sediakan senarai dwibahasa contoh autentik; latih perbezaan fungsi Tambahan/Berlawanan/Sebab/Masa; guna rubrik yang menjejak variasi dan ketepatan konteks; dorong refleksi sendiri melalui anotasi pada skrip.

### Cadangan Kajian Lanjutan

Kembangkan korpus merentas fakulti; bandingkan data bertulis vs lisan; uji intervensi pedagogi berasaskan kesedaran penanda wacana; teliti hubungan penggunaan penanda wacana dengan markah persembahan/penulisan.

### Kesimpulan

Penanda wacana ialah elemen/uslub fungsi Bahasa dalam pembinaan wacana roleplay. Dapatan memetakan kekuatan pada kategori (Tambahan dan Masa), dengan ruang penambahbaikan pada kategori (Berlawanan dan Sebab). Intervensi berasaskan kerangka kohesi dijangka meningkatkan mutu penulisan dan kelancaran pertuturan pelajar.

### Rujukan

- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (1999). *Penanda wacana dalam terjemahan Arab–Melayu* (Tesis PhD).
- Awang Sariyan. (1991). *Penanda wacana dan kesepaduan karangan*.
- Asmah Haji Omar. (1980). *Nahu wacana*.